

02/01/2001

Komunikasi dalam kurikulum

Dr Umi Khattab

KEBELAKANGAN ini pelbagai isu membabitkan dunia pendidikan dibangkitkan terutama yang berkaitan dengan pelajar dan suasana pembelajaran di institusi pendidikan di negara ini.

Memandangkan negara kita berada dalam peralihan menuju ke arah status negara maju, maka mustahil untuk kita mengelak halangan dan rintangan terutama sekali dalam hubungan yang semakin kompleks antara pelbagai pihak, misalnya, antara guru dan ibu bapa, sekolah dan komuniti, guru dan Kementerian Pendidikan, malahan antara guru dan murid sendiri.

Ini bererti Kementerian Pendidikan perlu memikirkan dan mencipta semula strategi program yang sesuai untuk menangani secara efektif beberapa masalah di sekolah.

Ramai di kalangan kita, terutama yang terbabit dalam bidang pendidikan tidak sedar mengenai kepentingan perhubungan awam untuk sekolah. Malahan, ramai juga tidak menyedari betapa pentingnya mata pelajaran komunikasi dalam kurikulum pendidikan sekolah.

Kita begitu pantas menerima peralatan komputer dalam bilik darjah dan ghairah dalam mengemaskinikan kurikulum selaras dengan seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mewujudkan masyarakat IT.

Bagaimanapun, kita gagal memikirkan bahawa mata pelajaran Komunikasi (penyiaran, periklanan, perhubungan awam, kewartawanan, komunikasi antara budaya, komunikasi antara peribadi) begitu penting diserapkan dalam kurikulum pendidikan sekolah seawal mungkin untuk melahirkan rakyat yang tahu membezakan antara pelbagai jenis mesej; yang tidak mudah dipengaruhi oleh mesej komersil; yang lebih memahami konteks penyampaian berita; yang tahu membezakan antara berita CNN dan berita TV3; yang arif mengenai agenda media dan agenda imperialisme Barat dan yang lebih memahami dan menghormati perbezaan budaya antara satu sama lain serta sedar tentang gabungan pelbagai media, yakni teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Mempelajari penggunaan komputer tanpa menyedari hubungan kaitnya dengan media tradisional dan tanpa mengetahui kesan positif dan negatifnya amat berbahaya. Melengkapkan sekolah dengan peralatan komputer dan mengandaikan bahawa ia sudah cukup untuk menyediakan anak-anak kita ke zaman ICT amat sempit pandangannya dan berjangka pendek pemikirannya.

Apa yang ingin ditekankan ialah bahawa apabila menggalakkan anak kita membaca surat khabar atau menonton televisyen atau berkomputer, kita tidak sedar bahawa budak yang berusia lapan tahun misalnya belum tahu membezakan antara mesej iklan dan mesej berita sama ada dalam laman web mahu pun surat khabar.

Apa lagi membezakan antara khabar fakta dan khabar angin? Malahan kanak-kanak lapan tahun itu mahu tidak mahu terdedah kepada mesej iklan semasa menonton program kartun. Malahan kebanyakan program kartun itu sendiri mengandungi nilai budaya yang berkonflik dengan budaya sendiri.

Setakat manakah apa yang ditonton dan apa yang dibaca dijadikan bahan perbincangan utama di sekolah? Adakah pelajar diajar bagaimana berita, iklan dan kartun dihasilkan dan siapa membuatnya dan untuk siapa? Setakat manakah pelajar tahu membezakan antara ucapan rasional dan ucapan emosional? Ini terutama dalam konteks di mana kita dengar ada guru yang cuba campur adukkan unsur politik dalam penyampaian ilmu.

Saya rasa ramai di kalangan ibu bapa mengaku serba salah atau langsung tidak sedar bahawa mereka melakukan kesalahan apabila terlalu sangat mengharap dan bergantung kepada televisyen dan komputer sebagai

pengasuh atau "childminder" kerana sibuk bertugas di rumah dan pejabat. Bahayanya besar terutama sekali tanpa pendidikan wajar mengenai baik buruk media komunikasi.

Baru-baru ini, semasa bercuti sabatikal di Australia untuk menjalankan penyelidikan atas tajaan Universiti Kebangsaan Malaysia, penulis kagum melihat ada sekolah yang mengajar mata pelajaran Komunikasi kepada kanak-kanak berusia tujuh dan sembilan tahun.

Bengkel radio dan TV diadakan dan kanak-kanak diseru melaksanakan projek komunikasi untuk memahami pelbagai budaya dan sejarah perkembangan komunikasi.

Projek itu dilaksanakan melalui komputer, bengkel, bahan bersejarah, jemputan pakar iklan dan penyiaran sepanjang satu penggal berdasarkan kepada tema tertentu.

Penulis berasa bangga kerana murid itu termasuk anak sendiri pada usia yang begitu muda sudah tahu mengkritik dan membezakan antara pelbagai jenis mesej komunikasi.

Apabila tersiar sahaja iklan, ada yang berkata: "Itu cuma untuk melariskan jualan", "Jangan percaya pendapat satu pihak" dan sebagainya. Bagaimana pula anak-anak kita di Malaysia ?

Selain mengajar mata pelajaran Komunikasi, sekolah di sana mengamalkan komunikasi atau perhubungan awam. Misalnya, sekolah mewujudkan program hubungan komuniti.

Ibu bapa dikehendaki memberi kerjasama sepenuhnya terhadap kemantapan dan kekukuhan sekolah yang secara langsung akan memanfaatkan anak-anak mereka.

Tanggungjawab mendidik anak-anak boleh dikatakan 50:50 antara sekolah dan ibu bapa di mana satu pihak tidak boleh disalahkan seratus peratus sekiranya kanak-kanak terpesong atau gagal.

Sekolah juga mewujudkan program hubungan media di mana aktiviti yang mempunyai nilai berita diumumkan melalui siaran media.

Selain itu setiap minggu, sekolah mengedar surat berita ke rumah ibu bapa. Surat berita tersebut memaklumkan segala perkembangan dan mengeratkan hubungan antara pelbagai pihak.

Sekolah menyediakan laman web dan alamat e-mel untuk kemudahan ibu bapa dan masyarakat secara am. Setiap bilik darjah dilengkapi dengan peralatan komputer dan telefon.

Guru mudah sekali dihubungi sewaktu sekolah sama ada di bilik darjah mahupun di bilik rehat. Setiap masalah, besar mahupun kecil dapat ditangani melalui proses komunikasi yang positif dan sihat antara sekolah dan ibu bapa. Itulah yang dimaksudkan dengan amalan perhubungan awam dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah.

Sudah tiba masanya, kita memikirkan strategi pengurusan dan pentadbiran sekolah yang cangguh dan efektif untuk menjamin masa depan anak-anak kita.

Guru yang berpendidikan dalam bidang komunikasi dan sains komputer harus diiktiraf dan dipertingkatkan statusnya.

Lebih ramai guru harus diberi peluang untuk mengkhusus dalam bidang komunikasi dan sains komputer. Ilmu mereka harus diperguna untuk membangunkan lagi sekolah dan masyarakat supaya Wawasan 2020 direalisasi sepenuhnya.